



KENYATAAN ST
11 MAC 2025

Pelarasan Pendapatan dan Purata Tarif untuk Penggunaan Kemudahan Gas bagi Tahun 2025

PUTRAJAYA, 7 Mac 2025 – Kerajaan pada 24 Januari 2025 telah bersetuju supaya pelarasan pendapatan tahunan dan purata tarif yang dibenarkan untuk tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025 dalam tempoh kawal selia kedua (RP2) yang melibatkan empat (4) kemudahan gas iaitu terminal penggasan semula milik Regas Terminal (Sg. Udang) Sdn. Bhd. (RGTSU), terminal penggasan semula milik Pengerang LNG (Two) Sdn. Bhd. (RGTP), talian paip penghantaran milik PETRONAS Gas Bhd. (PGB) dan talian paip pengagihan milik Gas Malaysia Distribution Sdn. Bhd. (GMD) ditetapkan seperti berikut:

- (i) pelarasan pendapatan bagi RGTSU ditetapkan pada kadar **surcaj** sebanyak RM0.001/*Gigajoule*(GJ)/hari dan purata tarif yang dibenarkan untuk RGTSU bagi tahun 2025 ditetapkan pada **RM3.456/GJ/hari**;
- (ii) pelarasan pendapatan bagi RGTP ditetapkan pada kadar **rebat** sebanyak RM0.016/GJ/hari dan purata tarif yang dibenarkan untuk RGTP bagi tahun 2025 ditetapkan pada **RM3.149/GJ/hari**;
- (iii) pelarasan pendapatan tahunan bagi talian penghantaran milik PGB adalah seperti ketetapan berikut:
 - a) bagi pembekalan gas di Semenanjung iaitu 'Tarif T', pelarasan pendapatan ditetapkan pada kadar **rebat** sebanyak RM0.014/GJ/hari. Oleh itu, purata tarif yang dibenarkan untuk 'Tarif T' PGB bagi tahun 2025 ditetapkan pada **RM1.049/GJ/hari**; dan

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

- b) bagi tarif tambahan talian paip penghantaran milik PGB untuk pembekalan gas bertekanan tinggi ke Singapura iaitu 'Tarif C', pelarasan pendapatan ditetapkan pada kadar **surcaj** sebanyak RM0.007/GJ/hari. Oleh itu, purata tarif yang dibenarkan untuk 'Tarif C' PGB bagi tahun 2025 ditetapkan pada **RM1.609/GJ/hari**; dan
- (iv) supaya pelarasan pendapatan bagi GMD ditetapkan pada kadar **rebat** sebanyak RM0.005/GJ/hari dan purata tarif yang dibenarkan untuk GMD bagi tahun 2025 ditetapkan pada **RM1.568/GJ/hari**.

Mekanisme pelarasan purata tarif secara tahunan ini dilaksanakan bagi memastikan pemegang lesen kemudahan gas memperoleh hasil pendapatan yang memadai untuk menjalankan operasi secara efisien dan selamat. Pelaksanaan mekanisme ini turut mengambil kira perbelanjaan pelaburan yang cekap, jaminan kelangsungan bekalan gas, kemampuan perniagaan pemegang lesen kemudahan gas serta kedudukan semasa industri pasaran gas negara. Selain itu, pelaksanaan mekanisme ini juga telah mengambil kira impak kepada pengguna dengan memastikan tarif yang dikenakan adalah berpatutan, telus dan munasabah.

Perubahan purata tarif kemudahan gas dijangka tidak memberi impak yang besar kepada pengguna gas kerana komposisi tarif kemudahan gas adalah kecil berbanding harga molekul gas yang merupakan komponen terbesar dalam penetapan harga jualan gas. Secara puratanya, pecahan peratusan tarif kemudahan gas adalah di antara 2.5 hingga 5.6 peratus daripada jumlah harga jualan gas, bergantung kepada kemudahan gas yang digunakan.

*****TAMAT*****

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.